

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld.4 (55)

14 Disember 2025
23 Jamadilakhir 1447

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 53/2025

PENGISYTIHARAN CUTI PERISTIWA SEMPENA PENCAPAIAN CEMERLANG PASUKAN JOHOR DARUL TA'ZIM (JDT)

Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Johor telah mengisytiharkan tarikh **15 Disember 2025 (Isnin)** sebagai Cuti Peristiwa bagi seluruh rakyat Johor sebagai tanda sokongan padu dan penghargaan terhadap pencapaian cemerlang pasukan Johor Darul Ta'zim (JDT) kerana berjaya menjuang Piala FA 2025-2026 yang berlangsung pada hari Ahad, 14 Disember 2025.

2. Selaras dengan Seksyen 9(1), Akta Hari Kelepasan Am 1951 [Akta 369], Universiti turut bersama-sama Kerajaan Negeri Johor dalam memberikan Cuti Peristiwa kepada seluruh warga UTM Johor Bahru dan UTM Cawangan Pagoh pada tarikh tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, semua urusan atau program-program lain yang telah dirancang lebih awal terutamanya yang melibatkan pihak luar perlu diteruskan seperti biasa. Semua staf yang terlibat dengan program rasmi yang telah dirancang dikehendaki bertugas dan layak mendapat cuti gantian tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa.

4. Seluruh warga UTM mengucapkan tahniah dan syabas kepada pasukan JDT atas kemenangan menjuang Piala FA 2025-2026.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah